

FSSK UMS jayakan Seminar Pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia

UB 08.05.2024 P.02

BANGI: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah terlibat dalam menjayakan Seminar Pergerakan Kesatuan Sekerja Di Malaysia, baru-baru ini.

Ia diadakan sempena sambutan Hari Pekerja peringkat kebangsaan di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) Bangi.

Bertemakan 'Pekerja KESUMA Bangsa', seminar itu turut dijayakan bersama Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS), Unit Penyeiaran Lonjakan Prestasi (PACU), dan Persatuan Sains

Sosial Malaysia (PSSM).

Pengerusijawatankuasa pengajur, Dr. Mahadirin Ahmad yang merupakan pensyarah FSSK UMS berkata seminar itu penting untuk mengupas hala tuju pergerakan kesatuan sekerja di Malaysia.

"Seminar ini selari agenda pemeriksaan pekerja seiring kerangka Malaysia Madani dan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), serta turut bertepatan dengan tema sambutan Hari Pekerja iaitu Pekerja Kesuma Bangsa.

"Seminar ini juga menyaksikan acara penyerahan Resolusi 100 Tahun Kesatuan Sekerja Di Malaysia: Dulu dan Masa Depan," katanya.

Beliau berkata seminar itu turut menarik penglibatan

pelbagai kategori peserta, termasuk kesatuan sekerja, majikan, ahli akademik dan mahasiswa.

Dalam pada itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong dalam satu kenyataan menyokong pengajuran seminar itu yang dilihat penting bagi meneliti pencapaian dan kepentingan kesatuan sekerja di Malaysia pada ketika ini.

"Ini juga seiring misi strategik 3K KESUMA iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan pekerja.

"Seminar ini diharap mampu mengumpul dan menyatukan pandangan pelbagai perspektif khususnya daripada kesatuan sekerja kerana pekerja merupakan aktor penting

dalam hubungan pekerjaan di negara ini," katanya.

Hampir 200 peserta pelbagai kategori seperti sektor awam, swasta dan badan berkanun hadir menyertai seminar yang berlangsung di Dewan Tan Sri Lee Lam Thye, Menara NIOSH itu.

Antara ahli akademik dan penyelidik FSSK UMS yang terlibat dalam seminar tersebut Dr Kee Y Sabariah Kee Mohd Yussof, Dr Norhuda Salleh, Bazley Bee Basrah Bee dan pelajar sarjana FSSK UM, Nassiah Gaong.

Turut sama menjayakan seminar tersebut pensyarah dari FSSK UKM, Dr Sharifah Nursyahidah Syed Annuar dan penyelidik dari kesatuan sekerja, Engrit Liaw.



SEMINAR: Steven Sim merakamkan gambar bersama para peserta seminar itu.